

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

SOALAN LAZIM PELAJAR BERKENAAN YURAN ASRAMA PELAJAR PASCASISWAZAH UMP

1. Saya pelajar kanan Pasca siswazah yang telah membuat bayaran penuh asrama sem 2 2019/2020, tetapi disebabkan Covid 19 ini, saya tidak menginap di asrama, adakah terdapat pengurangan kadar yuran asrama?

Pihak UMP sedia maklum berkaitan isu permohonan pengurangan yuran pelajar akibat pandemic COVID19 yang dimohon melalui memorandum MPP Malaysia kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Semua Universiti Awam (UA) melalui Jabatan Pendidikan Tinggi, KPT sedang dalam kajian bagi mempertimbangkan permohonan diskaun yuran pengajian kepada pelajar UA.

Oleh itu, buat masa ini, yuran pelajar adalah masih seperti sedia ada. Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari masa ke semasa. Sekiranya diskaun tersebut diluluskan, lebih yuran yang telah dibayar pelajar akan ditolak dengan yuran bagi semester hadapan.

2. Saya pelajar baharu Pasca siswazah Penyelidikan dijangka akan mendaftar pada bulan Jun 2020, adakah terdapat pengurangan yuran asrama bagi pelajar yang mempunyai masalah kewangan seperti saya yang terkesan dengan pandemic covid 19 ini?

Yuran asrama hanya perlu dibayar bagi baki bulan yang tinggal sebelum semester baharu bermula. Jika pelajar daftar bulan Jun 2020, yuran asrama perlu dibayar untuk sehingga bulan September 2020 (4 bulan) berdasarkan kalendar akademik yang terbaharu. Ini kerana semester baharu akan bermula pada bulan Oktober 2020.

Untuk makluman, pihak universiti telah memberi komitmen dan menyediakan kemudahan asrama dan perlu menanggung kos sewaan kepada pihak luar. Oleh itu, pihak universiti memberi sewaan kepada pelajar yang benar-benar berminat untuk satu tempoh yang telah ditetapkan.

3. Saya pelajar baharu Pasca siswazah Penyelidikan di jangka akan mendaftar pada bulan Jun 2020, adakah saya perlu membuat bayaran selama satu semester iaitu 6 bulan ataupun hanya mengikut baki bulan semester ini berakhir sahaja?

Yuran asrama hanya perlu dibayar bagi baki bulan yang tinggal bagi semester tersebut. Jika pelajar daftar bulan Jun 2020, yuran asrama perlu dibayar untuk sehingga bulan September 2020 (4 bulan) berdasarkan kalendar akademik yang baharu. Pelajar perlu memohon semula penginapan asrama untuk semester akan datang sebelum semester baharu bermula. Pelajar diminta untuk sentiasa mengambil perhatian pengumuman/peringatan untuk perbaharui sewaan asrama yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan asrama.

4. Saya pelajar kanan Pasca siswazah Penyelidikan yang telah membuat pembayaran penuh yuran asrama bagi satu semester (sem 2 2019/2020) ,namun pembayaran semester ini adalah sehingga akhir bulan 8 sahaja, Terdapat perubahan jadual akademik bagi semester hadapan yang bakal bermula pada oktober dan bukannya September seperti jadual akademik asal. Bagaimana dengan caj bagi bulan september tersebut?

Tempoh caj asrama sedia ada bagi :-

Semester Feb 2020 : Mac 2020 – Ogos 2020 (6 bulan)

Semester Sept 2020 : Sept 2020 – Feb 2021 (6 bulan)

Caj bagi bulan September 2020 akan terus dikira bagi Sem 1 20/21 walaupun semester baharu akan bermula Oktober 2020. Pelajar tidak perlu check-out. Bilik asrama / rumah yang telah disewa akan terjamin sehingga semester baharu. Sekiranya pelajar telah check-out dan semester baharu ingin tinggal semula di asrama, pelajar perlu memohon semula dan kelulusan adalah tertakluk kepada kekosongan.

Selain itu, pihak universiti perlu mengambilkira kos-kos kerja pentadbiran dan kos kekosongan bilik tersebut kesan dari check out awal. Untuk makluman, pihak universiti telah memberi komitmen dan menyediakan kemudahan asrama serta perlu menanggung kos sewaan kepada pihak luar. Oleh itu, pihak universiti memberi sewaan kepada pelajar yang benar-benar berminat untuk satu tempoh yang telah ditetapkan.

5. Adakah benar polisi terbaharu berkenaan tiada pemulangan bagi bayaran asrama pelajar bermula semester hadapan? Bagaimanakah jika berlaku lebihan bayaran asrama oleh pelajar?

Benar. Polisi terbaharu berkenaan tiada pemulangan bagi bayaran asrama pelajar akan bermula semester hadapan. Untuk makluman, pihak universiti telah memberi komitmen menyediakan kemudahan asrama dan perlu menanggung kos sewaan kepada pihak luar. Oleh itu, pihak universiti akan memberi sewaan kepada pelajar yang benar-benar berminat untuk satu tempoh yang telah ditetapkan.

Walaupun, akibat daripada Pandemic Covid19, sekiranya berlaku hal-hal luar jangka, peraturan ini akan dikaji semula.

6. Saya pelajar baharu Pasca siswazah Penyelidikan dijangka akan mendaftar pada bulan Jun 2020, adakah terdapat budi bicara seperti bayaran secara bulanan / ansuran bagi pembayaran yuran asrama untuk pelajar yang mempunyai masalah kewangan seperti saya yang terkesan dengan pandemic covid 19 ini?

Pelajar boleh membuat permohonan yang perlu disertakan dengan justifikasi yang jelas dan dokumen sokongan yang sah. Permohonan akan dibawa ke pihak atasan universiti. Sebarang kelulusan adalah tertakluk kepada pengurusan universiti. Oleh kerana pelajar perlu membuat pendaftaran dalam tempoh yang ditetapkan, adalah dinasihatkan pelajar untuk membuat bayaran sepertimana yang ditetapkan terlebih dahulu. Sekiranya kelulusan diperolehi, pelarasan ke atas inoivis yuran akan dibuat dan lebihan bayaran akan dibawa ke Semester hadapan dengan menolak bayaran yuran Semester 1 2020/2021.

7. Saya pelajar baharu Pasca siswazah Penyelidikan dijangka akan mendaftar pada bulan hadapan ataupun semester hadapan, adakah boleh saya menggunakan borang penjamin pelajar bagi membolehkan saya mendaftar terlebih dahulu sementara saya mendapat sumber kewangan ataupun penaja?

Boleh gunakan Borang Jaminan yang lengkap diisi dan telah dimatikan setem untuk pendaftaran.

8. Saya pelajar baharu Pasca siswazah Penyelidikan dijangka akan mendaftar pada hujung bulan , adakah saya perlu membuat bayaran asrama penuh mengikut bulan dan bukannya hari sahaja pada bulan tersebut?

Ya. Pelajar perlu membuat bayaran penuh mengikut bulan. Oleh itu pelajar adalah dinasihatkan untuk membuat perancangan sebaiknya. Pelajar boleh merancang supaya membuat pendaftaran pada awal bulan.

9. Saya adalah pelajar kanan pascasiswazah dan telah menginap di asrama. Saya ingin memohon untuk memperbaharui sewaan asrama saya bagi semester hadapan. Bagaimanakah caranya?

Pelajar perlu memohon semula penginapan asrama untuk semester akan datang sebelum semester baharu bermula secara dalam talian. Pelajar diminta untuk sentiasa mengambil perhatian pengumuman/peringatan untuk perbaharui sewaan asrama yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan asrama. Sekiranya pelajar tidak membuat sebarang kenyataan samada mahu perbaharui atau tidak, sistem akan secara automatik akan perbaharui sewaan untuk semester akan datang. Sewaan selama 1 semester (6 bulan) akan dicaj di dalam lejar pelajar dan pelajar perlu membuat bayaran sekaligus sebelum dibenarkan untuk mendaftar pengajian pada semester baharu. Pelajar yang tidak membuat bayaran akan disekat daripada membuat pendaftaran.